

## ZAKAT DAN MUALLAF SERTA KAITANNYA DENGAN MAQĀSID SHARĪ‘AH

### *Zakat and Muallaf and its Relationship with Maqāsid sharī‘ah*

Nurwati A. Ahmad-Zaluki<sup>1\*</sup>  
Azizan Abdul Rahman<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Universiti Utara Malaysia (Kuala Lumpur Campus), 27-1B Level 1, Wisma Sri Muda (UUMKL Tower 2), Jalan Raja Muda Abd Aziz, 50300 Kuala Lumpur

<sup>2</sup> Darul Muafa, 06700 Pendang, Kedah

\*Corresponding author (Email: [nurwati@uum.edu.my](mailto:nurwati@uum.edu.my))

Diterima: 5 Februari 2021, Diproses: 7 Februari 2021, Diterbitkan: 31 Mac 2021

**Abstrak:** Zakat merupakan hasil kutipan yang dipungut daripada orang-orang kaya untuk diagihkan kepada lapan jenis asnaf, antaranya adalah muallaf. Artikel ini menjelaskan tentang zakat dan muallaf serta kaitannya dengan maqāsid sharī‘ah. Penjelasan tentang zakat termasuklah definisi zakat dari segi bahasa dan istilah, tujuan dan hikmah berzakat, pensyariatan zakat, serta ulasan beberapa kajian lepas tentang zakat. Manakala, perbincangan tentang muallaf berkisar dari aspek definisi muallaf menurut pandangan pelbagai Mazhab *fiqh* yang muktabar, Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR), pandangan para fuqaha tentang kriteria muallaf serta peruntukan zakat kepada asnaf muallaf. Perkaitan antara zakat dan muallaf dari sudut maqāsid sharī‘ah juga dijelaskan serba sedikit. Bagi tujuan perbincangan ini, pelbagai kitab-kitab agama dan artikel-artikel jurnal telah dirujuk. Secara ringkasnya, definisi zakat dari sudut istilah dan bahasa adalah agak berbeza tetapi tujuannya adalah sama. Sebaliknya, muallaf adalah orang yang dilembutkan hatinya untuk memeluk agama Islam. Pengagihan zakat kepada muallaf adalah untuk menjaga maqāsid sharī‘ah iaitu dari sudut menjaga agama.

**Katakunci:** Zakat, Muallaf, Maqāsid Sharī‘ah

**Abstract:** Zakat is proceeds collected from the rich to be distributed to eight types of asnaf, among them, muallaf. This article explains about zakat and muallaf and its relationship with maqāsid sharī‘ah. The explanation of zakat includes the definition of zakat in terms of language and term, the purpose and advantages of zakat, the provision of zakat, as well as reviews of several studies on zakat. Meanwhile, the discussion on muallaf evolves around the areas such as the definition of muallaf according to various well-recognized *fiqh* Mazhabs, Department of Endowment, Hajj and Zakat (JAWHAR), the views of jurists on the criteria for muallaf and the provision of zakat for asnaf muallaf. The relationship between zakat and muallaf from the point of view of maqāsid sharī‘ah is also briefly explained. For the purpose of these discussions, various religious books and journals are referred. In short, the definition of zakat in terms of language and term is quite different but it serves the same purpose. On the other hand, muallaf is defined as a person whose heart is softened to embrace Islam. The

*distribution of zakat to muallaf is to maintain the maqāsid sharī'ah in the name of preserving religion.*

**Keywords:** Zakat, Muallaf, Maqāsid Sharī'ah

---

## PENGENALAN

Zakat dari segi bahasa bermaksud kesuburan dan pembersihan (al-Nawawī, 1996). Dari sudut istilah pula ialah kadar yang wajib dikeluarkan mengikut perkiraan yang telah diputuskan oleh syara'. Firman Allah SWT (al-Taubah: 103):

*“Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) bagi membersihkan harta dan hati mereka”*

Zakat merupakan *rukun maliyun* (elemen kewangan) yang bertujuan untuk mengurus struktur urusan sosial (Shaltūt, 1987). Hikmah diwajibkan zakat ialah mengambil sedikit daripada harta orang-orang yang kaya kemudian dibelanjakan untuk mengurus keperluan golongan yang memerlukan. Menurut al-Razī (1990) kebaikan zakat adalah sebahagiannya akan kembali kepada pemberi zakat, dan sebahagian yang lain adalah kembali kepada penerima zakat.

Pensyariatan zakat adalah pada tahun kedua Hijrah di mana Rasulullah S.A.W telah mengambil inisiatif mengurus kutipan zakat di samping mengutus para gabenor ke wilayah-wilayah yang ditaklukinya untuk memungut kutipan zakat daripada kabilah-kabilah yang telah memeluk agama Islam. Bagi melestarikan pengurusan zakat, Rasulullah S.A.W telah menggariskan terma dan syarat kepada setiap gabenor yang ditugaskan bagi memungut kutipan zakat daripada orang-orang yang kaya untuk diagihkan kepada golongan fakir miskin (Ṭalkhān, 1992).

Al-Quran dan hadis telah menyatakan bahawa zakat adalah sebagai sedekah. Menurut al-Fanjārī (1990), setiap pemberian zakat adalah dikira sebagai sedekah, tetapi tidak kesemua sedekah pula dikira sebagai zakat. Kalimah zakat dalam Al-Quran disebut selepas mendirikan solat sebanyak lapan puluh dua kali (al-Nadwī, 1994). Ini menunjukkan bahawa zakat adalah hak komuniti dalam kehidupan individu untuk memastikan masyarakatnya memperoleh pendapatan dan cukup untuk menanggung kos sara hidup. Oleh itu, kerajaan mempunyai kuasa bagi menetapkan kadar jumlah pembayaran zakat secara minima bagi mengimbangi pendapatan defisit cukai. Hal ini menjadikan zakat sebagai mekanisme untuk pembangunan ekonomi masyarakat dan negara (Qutb, 1995; al-Fanjārī, 1990). Zakat mempunyai dua fungsi utama iaitu menutup lompang dan kelemahan yang terdapat dalam masyarakat umat Islam, dan membantu untuk memperkukuhkan agama Islam (al-Ṭabarī, 2001).

Zakat merupakan hasil kutipan yang dipungut daripada orang yang kaya untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan (Wahid et al., 2009). Golongan yang berhak untuk menerima skim bantuan zakat terbahagi kepada lapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, orang *muallaf*, *riqab*, orang yang berhutang, orang yang dalam perantauan dan *fī sabīlillah*. Walau bagaimanapun, artikel ini memfokuskan terhadap golongan asnaf muallaf yang amat memerlukan perhatian yang serius dari sudut mental dan fizikal agar mereka tidak murtad daripada agama Islam. Azman et al. (2015) berpendapat bahawa skim bantuan zakat kepada

golongan muallaf perlu diadaptasikan mengikut keperluan dan tuntutan semasa. Hal ini bertujuan agar sumbangan zakat yang disalurkan benar-benar memenuhi kriteria untuk membantu keperluan hidup dan mengukuhkan keyakinan hati mereka terhadap agama Islam.

## ZAKAT DAN KAJIAN LEPAS

Zakat merupakan salah satu daripada rukun-rukun Islam yang lima. Zakat memainkan peranan yang sangat efektif dalam menonjolkan struktur pembangunan ekonomi umat Islam. Topik tentang zakat telah dibincangkan oleh tokoh-tokoh sarjana Islam secara ilmiah dan dinamik dalam *Siyāsat al-Shar‘īyah wal Māl* (politik Islam dan kewangan) (al-Qaradhawī, 1997). Antara karya-karya terdahulu yang membincangkan topik tentang zakat dari sudut *siyāsat shar‘īyah* adalah seperti *al-Ahkām al-Sultāniyah* karya al-Māwardi (1996), *al-Siyāsat al-Shar‘īyah* karya Imam Ibn Taimiah (1996), *al-Siyāsat al-Shar‘īyah* karya Khalaf (1988) dan para fuqaha’ yang lain telah menjadi rujukan yang sangat penting.

Zakat dari segi bahasa ialah kesuburan (الْتَمَاءُ), keberkatan (الْبَرَكَاتُ) dan pertambahan (الزِّيَادَةُ). Manakala, zakat menurut istilah pula ialah anggaran bahagian harta yang difardukan oleh Allah untuk diagihkan kepada asnaf yang berhak untuk menerima pembahagian berkenaan mengikut ketetapan hukum-hukum syara’ (al-Qaradhawī, 1997). Oleh itu, zakat merupakan ibadat melalui harta yang dikeluarkan mengikut ketetapan hukum syara’ dan menjadi tanggungjawab terhadap solidariti masyarakat dari sudut tuntutan dan kewajipan. Al-Quran telah mengulangi sebutan kewajipan menunaikan zakat sebanyak tiga puluh kali dan perintah berkenaan juga datang menyusul selepas perintah mendirikan solat (al-Siba‘iy, 1998; al-Qaradhawī, 1997; Qutb, 1995). Firman Allah SWT:

*“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”*

(al-Baqarah: 2: 43)

Zakat dalam Islam difardukan pada tahun kedua hijrah, iaitu setelah Rasulullah S.A.W berhijrah ke Kota Madinah. Disebabkan zakat merupakan perkara yang wajib diketahui dalam agama Islam (*al-ma’lūm min al-Dīn biḍ-ḍarūrah*) maka, para ulamak bersepakat mengatakan bahawa seseorang yang menafikan perintah membayar zakat dalam Islam adalah menjadi murtad. Hal ini kerana perintah membayar zakat adalah termasuk dalam perkara agama yang wajib diketahui secara pasti oleh setiap umat Islam. Kisah Saidina Abu Bakar al-Ṣiddiq memerangi gejala murtad sudah cukup untuk membuktikan bahawa golongan yang menafikan perintah membayar zakat adalah dikira murtad serta terkeluar daripada agama Islam (al-Fanjarī, 1990). Bagaimanapun, al-Bukhārī (1974) meriwayatkan teks ucapan Saidina Abu Bakar ketika memerangi gejala murtad khususnya terhadap golongan yang enggan membayar zakat menegaskan:

*“Demi Allah, aku akan memerangi mereka yang membezakan antara (perintah) mendirikan solat dan membayar zakat. (Ketahuilah) sesungguhnya zakat adalah hak (yang dikenakan ke atas) harta. Demi Allah, sekiranya mereka enggan memberikan anak unta yang dahulunya mereka pernah memberikannya kepada Rasulullah pasti aku akan memeranginya.”*

Isi kandungan teks ucapan beliau menjelaskan bahawa zakat mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan akidah. Ini adalah kerana iman tidak sekadar pengakuan pada bibir mulut semata-mata, akan tetapi iman juga ialah membenarkan dengan hati dan diterjemahkan melalui amal lahiriah. Ringkasnya, zakat dalam Islam merupakan hak harta yang diambil daripada orang-orang yang kaya untuk diagihkan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya. Justeru, al-Bukhārī (1974), meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

*“Beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan zakat pada harta mereka untuk diambil daripada orang-orang kaya kemudian diagihkan kepada fakir miskin.”*

Wang zakat merupakan sumber asas dalam menyediakan kebajikan kepada muallaf (Abu Bakar dan Ismail, 2018). Pemberian bantuan zakat kepada asnaf berkenaan adalah untuk meringankan bebanan, kesedihan dan kesusahan mereka di samping memberi bantuan yang lain sebagai tanda keprihatinan dan solidariti umat Islam terhadap saudara yang baru memeluk agama Islam (Ṭalkhān, 1992; Qutb, 1995; al-Qaradhawī, 1997).

Saidina ‘Umar menjadi Khalifah Islam yang pertama melakukan pengislahan terhadap pengagihan zakat kepada asnaf muallaf. Beliau menghentikan pengagihan zakat kepada asnaf muallaf bukan kerana beliau menolak nas Al-Quran atau hadis, sebaliknya beliau merealisasikan tuntutan nas serta memenuhi keperluan muallaf dengan memperkasakan golongan tersebut melalui bahagian zakat berkenaan (al-Qaradhawī, 1997; al-Fanjari, 1990; Qutb, 1995). Ini bermaksud, pada zaman Rasulullah S.A.W dan Saidina Abu Bakar, zakat diberikan kepada muallaf. Tetapi semasa zaman Saidina ‘Umar, pemberian zakat kepada muallaf diberhentikan disebabkan tiada keperluan untuk diagihkan zakat kepada golongan tersebut. Ini tidak bermakna bahawa beliau menafikan hak golongan tersebut tetapi keadaan ketika itu yang menyebabkan golongan asnaf muallaf tidak berhak untuk menerimanya.<sup>1</sup>

## DEFINISI MUALLAF

Muallaf ialah golongan sasaran yang bertujuan untuk memikat hati mereka agar memeluk agama Islam atau untuk menangkis bahaya yang akan menimpa ke atas diri mereka kerana memeluk agama Islam atau masih baru berjinak dengan agama Islam (al-Fanjari, 1990; al-Būṭī, 1992). Mazhab Shafie mendefinisikan muallaf sebagai orang yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya tetapi terbatas kepada orang yang telah memeluk Islam sahaja. Pemberian zakat

---

<sup>1</sup> Zakat adalah diperuntukan kepada lapan (8) golongan asnaf seperti yang telah disebutkan di dalam al-Quran. Namun, zakat hanya diberikan apabila adanya golongan berkenaan dan memenuhi kriteria yang melayakkan mereka menerima zakat. Sekiranya golongan berkenaan telah tiada syarat-syarat kelayakan untuk menerima zakat, maka pada ketika itu pemerintah harus bertindak untuk tidak memberikan zakat kepada golongan tersebut. Sebagai contoh, pada zaman sekarang zakat tidak diberikan kepada golongan hamba (al-riqab) disebabkan tiada lagi hamba untuk dimerdekakan sedangkan al-riqab disebut sebagai salah satu dalam asnaf yang lapan. Maka, zakat tidak diberikan kepada al-riqab kerana tiada lagi golongan berkenaan. Ini tidak bermaksud bahawa Saidina ‘Umar bertindak untuk menafikan hukum pemberian zakat kepada asnaf muallaf. Saidina ‘Umar telah berjihad bahawa muallaf tidak lagi layak untuk menerima zakat kerana agama Islam pada ketika itu telah kuat dan bilangan umatnya juga adalah ramai. Begitu juga, pada zaman ‘Umar bin ‘Abdul ‘Aziz, tiada orang fakir miskin yang layak untuk menerima zakat kerana semua orang adalah kaya. Maka, pada zaman tersebut tiada zakat diagihkan kepada fakir miskin. Ini tidak bermaksud bahawa ‘Umar bin ‘Abdul ‘Aziz telah menafikan hak asnaf fakir miskin tetapi kerana sifat yang melayakkan mereka menerima zakat telah hilang (al-Qaradhawī, 1997).

kepada golongan muallaf berkenaan adalah bertujuan agar jiwa mereka merasa aman dan kehidupan mereka lebih terjamin dengan agama Islam.

Perkataan muallaf diambil dari perkataan *taallafa* - تَأَلَّفَ - (berjinak) dan *muallafatu qulubuhum* - الْمُؤَلَّفَةُ قُلُوبُهُمْ - (orang yang dijinakkan hati-hati mereka) (al-Rāzī, 1996). Sementara, Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR) (2009) mendefinisikan muallaf sebagai orang kafir yang hatinya baru berjinak-jinak dengan agama Islam atau baru memeluk agama Islam, namun pegangannya masih lemah dan tidak mantap. Oleh itu, muallaf adalah saudara baru yang memeluk agama Islam dan kebiasaannya, hubungan mereka dengan keluarga asal telah menjadi renggang dan terasing. Bantuan zakat diberikan kepada asnaf tersebut supaya mereka tidak merasa susah apabila memeluk agama Islam (Qutb, 1995; al-Qaradhawī, 1997; Ṭalkhān, 1992).

Allah SWT telah menjelaskan lapan kriteria yang layak untuk menerima zakat, antaranya iaitu asnaf muallaf. Firman Allah SWT:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat (amil), para muallaf yang dijinakkan hatinya, memerdekakan hamba, orang-orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah (fi sabilillah), dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan (ibn sabil), sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

(al-Taubah, ayat: 60)

Muallaf yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah kumpulan sasaran yang ingin dijinakkan hati mereka agar cenderung kepada agama Islam, atau untuk mengukuhkan keyakinan mereka terhadap agama Islam, atau menghalang tindakan jahat mereka terhadap kaum muslimin, atau mengharapkan kebaikan daripada mereka untuk mempertahankan institusi kaum muslimin, atau membantu untuk memenangkan mereka ketika berhadapan dengan situasi musuh, bukan dalam urusan perdagangan, perindustrian dan seumpamanya (Riḍā, 1999).

Keyakinan para muallaf terhadap agama Islam pada permulaan dakwah Islamiah masih pada tahap yang amat lemah serta membimbangkan, walaupun mereka itu terdiri daripada kalangan orang-orang kaya, kenamaan dan bangsawan. Rasulullah S.A.W mengambil kesempatan dengan memberi zakat kepada mereka sebagai kaedah untuk mengukuhkan keyakinan mereka dengan agama Islam seperti Abu Sufyan bin Harb, al-Aqra' bin Hābis dan al-'Abbās bin Mirdās. Rasulullah S.A.W juga tidak terlepas pandang dengan memberikan zakat kepada sebahagian daripada tokoh orang-orang kafir musyrikin seperti 'Amir bin Ṭufail dan tokoh masyarakat Quraish yang cenderung hatinya kepada Islam seperti Safwan bin Umayyah (Ibn 'Arabī, t.t).

Para fuqaha berbeza pendapat dalam memberikan gambaran tentang kriteria para muallaf. Sebahagian para fuqaha' berpendapat bahawa mereka itu adalah orang-orang kafir, justeru pemberian zakat adalah bertujuan untuk menjinakkan dan mendekatkan hati mereka kepada Islam. Ini kerana mereka tidak akan memeluk agama Islam dengan kekerasan dan pedang, akan tetapi mereka menerima Islam melalui pemberian dan berbuat baik (ihsan). Sebahagian fuqaha' yang lain pula berpendapat bahawa mereka yang pada zahirnya Islam tetapi tidak mempunyai keyakinan hati, maka pemberian zakat adalah sebagai cara untuk memperkukuhkan keyakinan mereka kepada agama Islam.

Manakala, sebahagian yang lain pula berpendapat mereka itu adalah tokoh-tokoh pemimpin musyrikin yang mempunyai pengaruh serta pengikut yang ramai. Melalui kaedah pemberian zakat berkenaan adalah dengan harapan mereka dapat membawa pengikut-pengikut mereka kepada agama Islam seramai yang mungkin (al-Qurṭubī, 1996). Walaupun pendapat mereka berbeza, tetapi tujuan mereka adalah hampir sama iaitu memperkukuh dan memperkasakan keyakinan para muallaf dengan agama Islam. Malah, kaedah pemberian zakat kepada para muallaf berkenaan juga adalah sebahagian daripada bentuk-bentuk jihad. Ini kerana golongan musyrikin adalah terbahagi kepada tiga kategori, iaitu:

- a) Kategori yang tunduk melalui cara berhujah,
- b) Kategori yang tunduk dengan cara kekerasan, dan
- c) Kategori yang tunduk dengan cara pemberian zakat (al-Qurṭubī, 1996).

### **ADAKAH ZAKAT KEPADA ASNAF MUALLAF DIMANSUHKAN SELEPAS KEWAFATAN RASULULLAH S.A.W?**

Kajian perpustakaan yang dibuat mendapati bahawa para fuqaha berbeza pendapat tentang peruntukan zakat kepada asnaf muallaf. Perselisihan pendapat berkenaan adalah disebabkan Saidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb telah menggugurkan pemberian zakat kepada asnaf muallaf. Diriwayatkan bahawa ‘Uyainah bin Ḥiṣn dan al-Aqra’ bin al-Ḥābis datang meminta tanah daripada Saidina Abū Bakar lalu beliau menulis sepucuk surat lalu dikoyak oleh Saidina ‘Umar lantas berkata:

*“Ini adalah sesuatu perkara yang telah diberikan oleh Rasulullah S.A.W kepada kamu pada suatu ketika dahulu untuk menjinakkan hati-hati kamu. Manakala, pada hari ini Allah telah memuliakan kedudukan kamu dengan Islam dan kamu tidak lagi berhajatkan kepada sesuatu. Sekiranya kamu teguh atas agama Islam (maka diri kamu akan selamat) dan jika sebaliknya maka pedang menjadi hakim antara kami dan kamu”*

Setelah mendengar kata-kata Saidina ‘Umar maka mereka kembali bertemu dengan Saidina Abū Bakar sambil berkata: “Adakah kamu yang menjadi Khalifah atau ‘Umar? Saidina Abū Bakar menjawab: “(Semua hal ini) perlu mendapat persetujuan daripada beliau”. Malah keputusan yang dibuat oleh Saidina ‘Umar berkenaan, tiada seorang sahabatpun yang mengingkarinya (al-Alūsī, 1994).

Kajian ini mendapati bahawa pemberian zakat kepada asnaf muallaf pada zaman Rasulullah S.A.W dan zaman Saidina Abū Bakar adalah kerana ada masalah dan *‘illah*. Masalah pada ketika itu adalah untuk menjinakkan hati manusia supaya mendekati dengan agama Islam, manakala *‘illah* pula kerana Islam dan umatnya pada ketika itu berada dalam keadaan yang lemah. Disebabkan tiada *‘illah* pada zaman Saidina ‘Umar maka pemberian zakat kepada asnaf muallaf adalah diberhentikan. Kajian ini mendapati bahawa perbuatan Saidina ‘Umar memberhentikan pemberian zakat kepada muallaf tidak bermaksud beliau telah membatalkan hukum berkenaan, sebaliknya beliau mengaplikasi pelaksanaan hukum berkenaan adalah mengikut realiti yang berlaku pada ketika itu.

Sehubungan itu, al-Qaradhawī (1998), menegaskan bahawa hukum penjinakan hati tidak bersifat kekal dan berterusan, dan tidak semua yang menjadi muallaf adalah sentiasa menjadi

muallaf pada zaman-zaman yang lain. Ketentuan bagi keperluan muallaf dan untuk mengenalpasti seseorang itu sebagai muallaf perlu dirujuk kepada pihak pemerintah (*ulil amri*). Hal ini bertujuan supaya suatu perkara itu adalah dibuat dengan sebaik-baiknya untuk masalah Islam dan umatnya.

Ibn Rushd (1997) menjelaskan bahawa Imam Malik berpendapat bahawa tiada lagi muallaf pada hari ini. Walau bagaimanapun, al-Qurtubī (1996) dan Ibn ‘Arabī (t.t) berpendapat sekiranya keadaan amat memerlukan kepada mereka pada sesetengah waktu maka berilah sebahagian daripada zakat kepada mereka.

Manakala, al-Nawawī (1980) menegaskan bahawa sekiranya pihak pemerintah telah memutuskan untuk menjinakkan hati suatu kaum (yang bukan Islam) kerana ada beberapa masalah yang menguntungkan umat Islam apabila mereka memeluk agama Islam, maka ia diharuskan. Oleh itu, memberi apa-apa saham daripada harta zakat kepada musyrikin adalah tidak diharuskan. Sebaliknya, memberi harta *fay*<sup>2</sup> kepada mereka bagi tujuan untuk menjinakkan hati-hati mereka adalah diharuskan kerana bukan harta zakat (al-Nawawī, 1980).

Seterusnya, al-Rāzī (1990) menjelaskan maksud *muallafat qulūbuhum* pada ayat 60 dalam Surah al-Taubah adalah umum iaitu merangkumi kaum muslim dan bukan muslim. Ini merupakan pendapat yang sahih kerana hukum pemberian zakat kepada mereka tidak pernah dimansuhkan. Oleh itu, pihak pemerintah diharuskan untuk memberi zakat kepada muallaf agar dapat menarik minat hati mereka kepada agama Islam.

Para fuqaha’ telah membahagikan asnaf muallaf kepada dua kategori, iaitu (i) muslim dan (ii) kafir (Ibn Taimiah, 1996; al-Khūlī, 1978; al-Qaradhawī, 1997). Muslim muallaf ialah saudara baru yang memeluk agama Islam tetapi tahap kefahaman dan pegangan mereka terhadap agama Islam masih pada tahap yang lemah. Justeru, hikmah pemberian zakat kepada muslim muallaf menunjukkan keprihatinan agama Islam terhadap nasib golongan berkenaan kerana sanggup meninggalkan kepercayaan lama mereka dengan memilih agama Islam sebagai cara hidup. Selain itu, pemberian zakat kepada asnaf berkenaan menunjukkan komitmen, kesanggupan dan kewajipan umat Islam untuk membimbing asnaf berkenaan untuk memahami ajaran Islam. Oleh hal yang demikian, muslim muallaf layak untuk menerima bantuan kewangan dan bimbingan agama.

Kafir muallaf ialah golongan yang mempertaruhkan diri dan nyawa mereka demi mempertahankan umat Islam daripada sebarang ancaman dan penganiayaan, maka pemberian zakat kepada golongan berkenaan adalah diharuskan dalam Islam. Malah, hikmah pemberian zakat kepada kafir muallaf menjadi daya tarikan untuk menjinak-jinakkan hati mereka bagi mendekati agama Islam. Hal ini pernah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W terhadap Safwan bin Umayyah<sup>3</sup> kerana mengharapkan beliau memeluk agama Islam (Ibn Kathir, 1990; al-Sabūnī, 2004; Abdul Mutalib, 1995).

Menurut persidangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-108, pada 2-3 November 2015 telah bersetuju untuk menetapkan tempoh maksimum bagi seseorang itu digelar sebagai muallaf adalah selama lima

<sup>2</sup> *Fay*’ ialah harta yang diambil daripada orang-orang kafir bukan melalui peperangan (Ibn Taimiah, 1996).

<sup>3</sup> Safwan meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W adalah manusia yang paling dibenci, namun Baginda sering memberikan zakat kepadanya sehingga Rasulullah S.A.W menjadi manusia yang paling disayangi olehnya (al-Sabūnī, 2004).

tahun. Disebabkan agama adalah di bawah bidang kuasa negeri, maka Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berhak untuk membuat penetapan terhadap tempoh berkenaan.

*“Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju menetapkan had tempoh maksima bagi seseorang Saudara Baru dipanggil Muallaf ialah lima (5) tahun. Walau bagaimanapun, selaras dengan kuasa agama adalah di bawah bidang kuasa negeri, maka Majlis Agama Islam Negeri berhak membuat sebarang pengecualian yang dikehendak.”*

Rasulullah S.A.W adalah *role model* yang terbaik untuk dicontohi dari segi pengurusan zakat terhadap golongan muallaf. Baginda telah mempraktikkan pemberian zakat kepada golongan muallaf yang baru memeluk agama Islam dan golongan musyrikin untuk menarik minat mereka terhadap agama Islam. Tindakan Rasulullah S.A.W memberi zakat kepada golongan muallaf telah memberikan pendefinisian yang sangat luas dan fleksibel terhadap makna muallaf. Rasulullah S.A.W pernah mengagihkan zakat kepada muallaf yang belum memeluk agama Islam seperti pemberian zakat kepada Safwan bin Umayyah. Menurut al-Tirmidhi (1996), Safwan bin Umayyah pernah berkata:

*“Rasulullah S.A.W telah memberikan kepadaku zakat pada hari Hunain, sedangkan Baginda adalah individu yang tersangat aku membencinya. (Namun), Baginda sentiasa memberikan zakat kepadaku sehingga beliau menjadi individu yang paling aku kasih.”*

(HR al-Tirmidhi, 1996)

Hadis berkenaan menjelaskan bahawa pengertian muallaf bukan sahaja terhadap golongan yang baru memeluk agama Islam, akan tetapi meliputi golongan sasaran yang belum memeluk agama Islam. Justeru, tujuan Rasulullah S.A.W memberi zakat kepada golongan berkenaan adalah bertujuan untuk menarik minat serta menjinak-jinakkan hati mereka dengan agama Islam. Metod yang sama dipraktikkan oleh Saidina Abu Bakar al-Şiddiq dalam mengeksploitasikan pemberian zakat kepada golongan muallaf. Selain itu, Saidina ‘Umar bin al-Khattāb juga dilaporkan mengambil sebahagian daripada harta zakat yang disimpan di baitul-mal untuk diberikan kepada seorang lelaki Yahudi (al-Fanjari, 1990).

## **RELATIF ZAKAT DAN MUALLAF DARI SUDUT MAQĀSID SHARĪ‘AH**

Maqāsid sharī‘ah bermaksud tujuan daripada syariat dan rahsia-rahsia syariat dalam meletakkan pelbagai ketetapan hukum. Oleh itu, tujuan syariat adalah untuk merealisasikan tujuan yang umum, iaitu kebahagiaan individu, kolektif, pemeliharaan sistem peraturan dan kemakmuran dunia dengan segala sesuatu yang boleh sampai ke kemuncak landasan yang sempurna, terbaik, bertamadun serta maju (al-Zuhaylī, 1997).

Maqāsid sharī‘ah mempunyai makna dan hikmah yang perlu dipandang serius berdasarkan kepada hukum syariat dalam pelbagai aspek, atau kebanyakan hukum syariat dengan tidak menghadkan pemusatan terhadap alam ini sebagai satu jenis yang khusus daripada hukum-hukum syariat (Ibn ‘Asyūr, 1998). Hal ini kerana kriteria syariat, objektif dan maknanya yang umum adalah tidak terlepas daripada pemerhatian terhadap hukum syariat (Ibn ‘Asyūr, 1998). Tambah beliau lagi, maqāsid sharī‘ah yang paling penting dan utama ialah menggarap hukum syariat dengan pelbagai kriteria yang diperlukan oleh suatu hukum serta




perubahan hukum adalah mengikut perubahan sifat (keadaan). Ini bermaksud bahawa syariat Islam tidak pernah alpa terhadap faktor pembangunan dan perubahan bentuk masalah. Justeru, syariat juga mengakui prinsip “perubahan hukum disebabkan oleh perubahan masa”, iaitu hukum *fiqh* yang berdasarkan kepada *ijtihādiyah* dan *maṣlaḥiyah* yang pada asalnya adalah meraikan masa atau ‘urf masyarakat (al-Zuḥaylī, 1997).

Kaitan hak yang disebutkan oleh Allah SWT bukanlah kepada mereka yang baharu masuk Islam, atau dengan kemasukan mereka semata-mata. Akan tetapi, ia adalah sifat yang menuntut agar umat Islam memasukkan kasih sayang ke dalam hati mereka, kerana ini yang dimaksudkan dengan “*muallafat qalūhum*” iaitu mendatangkan keintiman dan kasih sayang ke dalam hati mereka. Oleh itu, mendatangkan kasih sayang ke dalam hati mereka bukanlah suatu hukum yang bersabit dengan syara’, sebaliknya ia adalah perkaitan dengan hukum yang dilampirkan oleh Allah kepadanya (al-Būṭī, 1992).

### KRITERIA MAQĀSID SHARĪ‘AH

Syariat Islam tertegak atas pemeliharaan tiga masalah (kepentingan) utama. Menurut al-Būṭī (1992), para fuqaha’ telah menyusun kriteria maqāsid sharī‘ah adalah mengikut turutan masalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



**Rajah 1. Pembahagian Maqāsid Sharī‘ah**

Rajah 1 menjelaskan pengagihan zakat kepada muallaf berdasarkan kepada masalah<sup>4</sup> iaitu menjaga maqāsid sharī‘ah. Dimaksudkan dengan maqāsid sharī‘ah ialah menjaga lima usul (prinsip) penting, iaitu; *ḥifz al-din* (memelihara agama), nyawa, akal, nasab, dan harta.

<sup>4</sup> Masalah secara umumnya bermaksud mendatangkan manfaat atau menolak mudarat. Manakala menurut istilah syara’ ialah memelihara tujuan syara’ dengan menolak sebarang kerosakan daripada makhluk (al-Zuḥaylī, 1997; al-Ghazālī, 1993).

Setiap perkara yang menjamin penjagaan terhadap lima usul berkenaan adalah dianggap sebagai masalah, dan mana-mana perkara yang boleh melenyapkan lima prinsip berkenaan pula dikira sebagai *mafsadah* (kerosakan) dan menolaknya adalah dikira masalah. Lima usul penting berkenaan diletakkan di bawah kategori *al-darūrāh* kerana ia adalah barisan yang terkuat dalam penjagaan *maṣālih* (al-Ghazālī, 1993).

Para fuqaha' membahagikan maqāsid sharī'ah kepada tiga kategori, iaitu: *al-darūriyyāt*, *al-hājiyyāt* dan *al-tahsīniyyāt*.

Pertama: *al-Darūriyyāt* ialah kepentingan yang paling utama dan amat dituntut oleh syara' untuk menjaga lima usul penting. Kealpaan terhadap *al-darūriyyāt* kemuncaknya adalah membinasakan dan merosakkan kehidupan seseorang individu di dunia ini serta melenyapkan kenikmatan di akhirat. Implikasinya, kehidupan seseorang individu itu menjadi rugi di dunia dan akhirat (al-Shātībī, 1996).

Kedua: *al-hājiyyāt* adalah suatu keperluan dalam kehidupan seperti makan, minum, pakaian, kediaman, bercucuk tanam dan sebagainya (al-Shātībī, 1996).

Ketiga: *al-tahsīniyyāt* adalah segala keperluan dan perlindungan untuk mendapatkan kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat (al-Shātībī, 1996).

Dalam senarai menjaga *maṣlahat al-darūriyyat*,<sup>5</sup> maka para fuqaha' telah meletakkan *ḥifz al-din* pada senarai yang terawal. Hal ini kerana menjaga kepentingan agama (*ḥifz al-din*) adalah mengatasi segala kepentingan-kepentingan yang lain. Sesungguhnya *ḥifz al-din* menurut maqāsid sharī'ah juga adalah memberi kebebasan kepada penganut-penganut agama lain untuk bebas mengamalkan cara hidup mengikut agama masing-masing. Tiada paksaan bagi penganut agama lain untuk terus mengamalkan cara dan gaya hidup mengikut agama mereka, malah penganut agama lain juga disarankan supaya mengiktiraf hak umat Islam untuk mengamalkan cara hidup Islam. Kebebasan beragama menurut Islam adalah termaktub dalam kitab suci Al-Quran seperti firman Allah SWT:

“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam)”

(al-Baqarah: 256)

Firman Allah SWT lagi:

“*Untukmu agamamu, dan untukkulah, agamaku*”

(al-Kafirun: 6)

## KESIMPULAN

Artikel ini telah menjelaskan tentang zakat dan muallaf serta kaitannya dengan maqāsid sharī'ah. Prinsip maqāsid sharī'ah adalah untuk memastikan kemaslahatan manusia adalah terjamin samada dari sudut agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Oleh itu, perletakan hukum syariat adalah untuk memberikan kebaikan kepada semua hamba untuk waktu yang terdekat ini dan pada masa akan datang. Kajian induktif yang dibuat terhadap kajian *fiqh* serta pandangan ulama' kontemporari mendapati bahawa zakat dan muallaf mempunyai kaitan

<sup>5</sup> Maksud *al-Daruriyat* ialah tahap keperluan yang mesti ada atau disebut sebagai keperluan primer (kepentingan yang paling utama). Apabila tahap keperluan berkenaan tidak dapat dipenuhi maka akan menggugat keamanan manusia sejagat. Walaubagaimanapun, al-Shātībī (1996) menjelaskan keperluan dan perlindungan dalam *al-darūriyyāt* dibahagikan kepada lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.

dengan maqāsid sharī'ah daripada sudut *maslahat al-ḍarūriyyāt* iaitu menjaga kemaslahatan agama.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Institut Penyelidikan dan Inovasi Kedah (IPIZ), UUM di bawah Kod SO: 14109.

## RUJUKAN

- Abdul Mutalib, R.F. (1995). *Arkān al-Islām al-Khamsah, Ahkāmuhā wa Athāruhā fi Binā al-Fard wa al-Mujtama'*, Cetakan Dar al-Salam, Kaherah.
- Abu Bakar, S.A. & Ismail, S.Z. (2018). Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 97-122.
- Alūsī-al,S (1994). *Rūh al-Ma'ānī fi Tafsīr al-Quran al-'Azīm wa Sab'ī al-Mathānī*. Cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Azman, A.R., Irwan, M.S., Nuradli Ridzwan Shah, M.D., Mahazan, A.M., Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R., Rose Irnawaty, I. & Ismail, N. (2015). *Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf: Satu Analisis di Malaysia*, <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/14074/1/55-192-1-B.pdf>, (dicapai pada 11/01/2019).
- Bukhārī-al, A.A.A. (1974). *Sahih al-Bukhārī*, Cetakan Dar wa Muthabi'al-Sha'bi, Kaherah.
- Būṭī-al, M.S (1992). *Ḍawābiṭ al-Maṣlahah fi al-Sharī'ah al-Islāmiyah*, Cetakan Muassasat al-Risalah, Beirut
- Fanjarī-al, M.S. (1990). *al-Islam wa al-Dhamman al-Ijtima'ie*, Cetakan al-Haijah al-Masriyah al-'Ammah lil-Kitab, Kaherah.
- Ibn 'Arabī. M (t.t). *Ahkām al-Quran*, Cetakan Dar al-Fikr, Beirut.
- Ibn 'Asyūr, M. (1998). *Maqāsid al-Sharī'at al-Islāmiyah*, Cetakan al-Basair Lil-Intaj al-Ilmi, Kuala Lumpur.
- Ibn Kathir, I. (1990). *Tafsir Al-Qur'an al-'Azim*, Cetakan Dar al-Jail, Beirut.
- Ibn Rushd, M (1997). *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muktaṣid*, Cetakan Dar al-Makrifah, Beirut.
- Ibn Taimiah, A.A.H (1996). *al-Siyāsah al-Syar'iyah fi Iṣlāh al-Ra'īe wa al-Ra'iyah*, Cetakan Dar al-Iman, Kaherah.
- Ghazālī-al, M (1993). *al-Mustaṣfā fi Ilm al-Uṣūl*, Cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Khalāf, A.W. (1988). *al-Siyāsah al-Shar'iyah*, Cetakan Dar al-Qalam, Beirut.
- Khūlī-al, B. (1978). *al-Tharwah fi Zhil al-Islam*, Cetakan Dar al-Iktisom, Kaherah.
- Māwardi-al, A.H. (1996). *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Dinniyyah*, Cetakan al-Maktab al-Islami, Beirut.
- Nadwī-al, A.H. (1994). *al-Arkān al-Arba'at*, Cetakan Dar al-Qalam, Beirut.
- Nawawī-al, Y. (1996). *al-Minhāj fi Sharḥ Saḥīh Muslim bin al-Ḥujāj*, Cetakan Dar al-Khair, Beirut.
- Nawawī-al, Y. (1980). *Kitāb al-Majmū' Syarh al-Muhazhab Lil-Syirazi*, Cetakan Maktabah al-Irsyād, Jeddah.

- Qaradhawī-al, Y. (1997). *Fiqh al-Zakat Dirasat Muqaranat Li-Ahkamiha wa Falsafatihā fī Dhu' Al-Qur'an wal Sunnah*, Cetakan Muassasat al-Risalah, Beirut.
- Qaradhawī-al, Y. (1998). *al-Siyāsat al-Shar'iyah fī Dhūi Nuṣūṣ al-Sharī'at wa Maqāṣidihā*, Cetakan Maktabah Wahbah, Kaherah.
- Qurṭubī-al, M. (1996). *al-Jāmi' lī-Ahkām al-Quran*, Cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Qutb, S. (1995). *al-'Adālat al-Ijtima'iyyah fī al-Islam*, Cetakan Dar al-Shorok, Kaherah.
- Rāzī-al, F. (1990). *al-Tafsīr al-Kabīr aw Mafatīh al-Ghaib*, Cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Rāzī-al, M. (1996). *Mukhtār al-Sehah*, Cetakan al-Maktabah al-'Asriyah, Beirut.
- Ridā, M.R (1999). *Tafsīr al-Quran al-Ḥakīm*, Cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Sabūnī-al, A. (2004). *Fiqh al-Ibādāt*, Cetakan al-Maktabah al-'Asriyah, Beirut.
- Shaltūt, M.M (1987). *Min Tawjihāt al-Islām*, Cetakan Dar al-Shurq, Kaherah.
- Shātibī-al, A.I (1996). *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Sharī'ah*, Cetakan Dar al-Makrifah, Beirut.
- Siba'iy-al, M. (1998). *al-Takafful al-Ijtima'īy fī al-Islam*, Cetakan Dar al-Warraq, Saudi.
- Ṭabarī-al, M. (2001). *Jami' al-Bayān*, Cetakan Dar al-Fikr, Kaherah.
- Ṭalkhān, A.A.H (1992). *Māliyat al-Dawlat al-Islāmiyah al-Mu'āṣirah*, Cetakan Maktabah Wahbah, Kaherah.
- Tirmidhi-al, A.I. (1996). *Sunan al-Tirmidhi*, Cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Wahid, H., Ahmad, S., & Abdul Kader, R. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Zuḥaylī-al, W. (1997). *Naẓariyat al-Ḍarūrat al-Shar'iyah*, Cetakan Dar al-Fikr, Syria.